

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]
TARIKH : KHAMIS**

SOALAN :

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-**

- (a) sama ada sedar bahawa masalah pencemaran di Sungai Kinta dan Sungai Pari yang terletak di daerah Ipoh menjadi semakin serius; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan sungai tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai rangkaian Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai. Hasil daripada pemantauan yang dijalankan menunjukkan bahawa kualiti air di Sungai Kinta adalah berstatus BERSIH (Kelas II) semenjak tahun 2011 sehingga kini. Manakala kualiti air di Sungai Pari berada pada status **SEDIKIT TERCEMAR** (Kelas III) semenjak tahun 2013 sehingga kini.
- (b) Berikut adalah usaha-usaha yang diambil oleh NRE dalam memulihara sungai-sungai di Malaysia termasuklah sungai-sungai tersebut:
- i. Memilih Sungai Kinta sebagai salah satu sungai dalam program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S) untuk meningkatkan kualiti air;
 - ii. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Premis-premis yang dipantau ini meliputi industri-industri dan juga projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Dalam hal ini, JAS turut menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan secara berkala serta secara mengejut (*spot checks*) terhadap punca-punca yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran bagi memastikannya sentiasa mematuhi kehendak-kehendak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya;

- iii. Pihak industri diwajibkan memantau pelepasan efluen melalui pendekatan kawalan sendiri (*self-regulation*) di premis masing-masing dan dilaporkan kepada JAS. Dalam masa yang sama, JAS mempertingkatkan pelaksanaan program *Pollution Sources Survey* bagi mengenal pasti kewujudan punca pencemaran melalui pendekatan pengesanan sebelum aduan;
- iv. Menjalankan program-program kesedaran kepada masyarakat bersama NGO, Pihak Berkuasa Tempatan dan Institusi Pengajian Tinggi; dan
- v. Mengenakan syarat-syarat tambahan kepada pemaju untuk membangunkan sesuatu kawasan baru seperti membina *sediment pond* dan mematuhi Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimen (*Erosion and Sediment Control Plan - ESCP*) untuk mengawal aliran kelodak masuk ke sungai.

Semua pembangunan peringkat kerja tanah dipantau
menerusi OPS Lumpur.

Sekian, terima kasih.